

## **Majlis Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn Bhd Dan Kolej Ikram**

Taman Ilmu Ikram, Kajang, Selangor 5 April 1999

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat bersama-sama dalam majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Ikram kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Kumpulan Ikram Sdn Bhd dan Kolej Ikram pada hari ini.

2. Majlis hari ini memberi peluang kepada saya untuk mengetahui dengan lebih dekat kegiatan Kumpulan Ikram serta kemajuan yang telah dicapainya di dalam bidang penyelidikan kejuruteraan, pendidikan, perkhidmatan teknikal dan latihan sejak Ikram diswastakan pada 1 Januari 1997.

3. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan semua agensi yang telah diswastakan kerana maklumbalas adalah penting bagi memantapkan lagi dasar-dasar Penswastaan kita. Sejak dasar ini dilancarkan banyak agensi telah diswastakan dan hingga kini, ternyata kebanyakannya telah membawa manfaat kepada negara. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa peka dan meneliti sebarang kelemahan yang terdapat di dalam dasar penswastaan supaya ianya dapat diperbaiki.

4. Semasa kita mula melaksanakan Dasar Penswastaan dahulu, tidak banyak model program penswastaan wujud di mana-manapun di dunia ini yang sesuai untuk kita jadinya contoh. Namun, dengan keyakinan dan niat ikhlas, kita telah berjaya membentuk model-model penswastaan yang tersendiri yang telah dapat dilaksanakan dengan begitu baik.

5. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan agar semua agensi yang diswastakan itu mencapai matlamat yang telah ditentukan. Penswastaan juga memberi kesempatan bagi kita menjayakan Dasar Ekonomi Baru, iaitu menghapuskan identifikasi kaum dengan pekerjaan. Jika dahulu semua perniagaan dan kerja-kerja yang diperlukan dalam bidang-bidang tertentu dihadkan kepada kaum bukan Bumiputera, hari ini Bumiputera terlibat dalam semua kegiatan yang bersangkutan dengan pengurusan dan kemajuan perniagaan. Pengurusan dan pemilikan syarikat perniagaan yang besar juga mempunyai penyertaan Bumiputera secara menyeluruh. Dengan itu tercapailah tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru.

6. Tuduhan orang asing kononnya Dasar Ekonomi Baru menguntungkan beberapa kroni dan keluarga pimpinan Kerajaan adalah disebabkan kebencian mereka kepada Bumiputera yang mereka capkan sebagai bodoh, pemalas dan sebagainya. Mereka mahu segala kegiatan Kerajaan diswastakan kepada mereka, kerana memang pun mereka tahu akan keuntungan yang besar yang akan diperolehi oleh mereka jika mereka mendapat projek penswastaan. Bahawa Bumiputera yang mendapat peluang daripada penswastaan adalah begitu ramai dan mereka tidak sedikitpun mempunyai hubungan dengan pemimpin Kerajaan tidak dipedulikan. Siapa sahaja yang dapat peluang akan

dianggap kroni dan keluarga. Sebaliknya jika sahabat dan keluarga pemimpin tidak dapat dan hidup merana, ini tidak dijadikan bukti kronisma dan nepotisma tidak berlaku di Malaysia. Sikap mereka adalah sikap "racist" yang menganggap orang Asia tidak mungkin jujur.

7. Saya gembira diberitahu bahawa Ikram, sejak diswastakan, begitu gigih dalam usahanya membangunkan institusi ini agar ia dapat menjadi sebuah institusi yang unggul di negara kita. Saya juga difahamkan Kumpulan Ikram telah meneruskan kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang diwarisi daripada Jabatan Kerja Raya dahulu dan telah berjaya menghasilkan beberapa produk penyelidikan hingga ke tahap pembangunan dan dapat diedar ke pasaran. Di bidang pendidikan pula Kumpulan Ikram telah turut sama menyahut aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan dalam pendidikan tinggi dengan mewujudkan Kolej Ikram pada 1 Januari 1998.

8. Alaf ke-21 akan muncul dalam masa cuma lapan bulan saja lagi. Walaupun masa tidak putus dan bermula semula kerana alaf baru, kita masih boleh mengguna permulaan alaf sebagai detik permulaan sesuatu perjuangan atau pembaharuan. Alaf baru ini boleh menjadi tarikh permulaan kita mempertingkatkan usaha menjayakan Wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita negara maju. Kedatangan alaf ini akan membawa cabaran globalisasi dan teknologi maklumat dalam semua kegiatan hidup manusia, baik di bidang ekonomi, sosial, pendidikan, perniagaan, perindustrian dan lain-lain. Kita tidak dapat menysihkan diri daripada perubahan ini. Apa yang perlu ialah kita menyediakan diri supaya dapat menangani cabaran dan merebut peluang dari perubahan-perubahan ini. Untuk ini, ada beberapa perkara penting yang perlu kita tunaikan bersama.

9. Pertamanya keharmonian dan keamanan yang wujud di negara kita ini perlulah dikekalkan. Seterusnya kita perlu memperteguh dan mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu dan kegiatan penyelidikan untuk dijadikan teras pembangunan kekuatan negara kita supaya kita mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain di dunia ini. Ke arah ini kita perlu yakin dan berusaha dengan gigih serta sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni.

10. Keharmonian dan keamanan adalah asas untuk sesebuah negara membina kemakmuran, kemajuan dan seterusnya tamadun bangsa. Semua cita-cita dan impian indah sesebuah negara akan lebur tanpa keharmonian dan keamanan. Negara-negara merdeka yang kaya sekalipun tidak akan dapat mengekalkan kemerdekaan dan kekayaan mereka tanpa keamanan. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana negara kita ini dirahmati-Nya dengan keharmonian dan keamanan, walaupun dalam suasana kegawatan ekonomi yang melanda pada masa ini. Marilah kita sama-sama terus menguatkan perpaduan demi mengekalkan keharmonian dan keamanan. Perpaduan dan persefahaman hendaklah dalam ertikata yang menyeluruh baik sesama insan, kaum, masyarakat dan juga di antara pihak agensi Kerajaan dengan pihak swasta.

11. Budaya memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan sama

ada sesuatu bangsa itu maju atau mundur. Walaupun budaya kita adalah diwarisi tetapi pengaruh semasa juga mempunyai kesan dalam membentuknya. Oleh itu kita boleh secara sedar membentuk budaya yang boleh memberi kemajuan dan kejayaan kepada kita. Selain daripada nilai-nilai yang mulia yang sudah tentu baik bagi kita, ada juga sifat-sifat yang tidak begitu jelas peranannya dalam menentukan kejayaan kita.

12. Dalam bidang R&D atau penyelidikan dan pembangunan, sifat ingin mengetahui, menyelidik dan mencuba amatlah penting. Kebanyakan daripada kita menerima sahaja apa yang ada di sekeliling kita tanpa menyoal akan sebab dan kenapa sesuatu itu begitu. Oleh sebab ini kita kurang pengetahuan dan ilmu serta tidak dapat menggunakan keadaan tertentu untuk mencipta sesuatu yang bermanfaat bagi kita.

13. Demikian kita tahu bagaimana menggunakan berbagai alat yang terdapat dalam zaman moden ini. Kita tahu memandu kereta, memainkan radio, TV, tape recorder dan seribu satu kemudahan elektrik dan elektronik. Tetapi kita tidak tahu dan tidak ingin tahu, jauh sekali ingin membikin atau mencipta alatan-alatan ini. Oleh kerana ini kita tidak maju dan bertamaddun tinggi.

14. Sebaliknya jika kita bersifat "curious", selalu ingin tahu, ingin belajar, ingin selidik, ingin mencipta sesuatu yang baru, yang berlainan dari apa yang sudah ada, tekun sehingga berjaya, tidak dapat tidak kita akan menjadi bangsa yang maju yang dapat bersaing dengan jayanya dengan orang lain. Kita tidak harus ingat bahawa kecekapan membuat R&D atau penyelidikan dan pembangunan cuma ada pada orang lain atau bangsa tertentu sahaja. Sebenarnya kita juga mempunyai kebolehan yang sama. Jika kita tidak mencapai kemajuan sehingga kini, sebabnya ialah kerana dalam budaya kita sifat-sifat yang saya telah sebutkan tidak diutamakan, tidak ditekankan.

15. Saya akui banyak juga penyelidikan dan pembangunan yang telah diusahakan di Malaysia. Dalam bidang pertanian banyak kemajuan yang telah dicapai. Tetapi dalam bidang mekanikal, elektrik, elektronik, perubatan dan banyak lagi bidang lain, kecapaian kita amat berkurangan. Kita menunggu sehingga orang lain mencipta sebelum kita berani mengguna, walaupun kita sudahpun mempunyai ide yang sama. Kita tidak yakin akan kebolehan diri kita dan tidak berani mencuba yang baru.

16. Sikap seperti ini mesti dikikis, jika kita ingin maju dan meneroka yang baru. Kita mesti bersedia memeriksa, mengkaji dan mencuba cara yang baru. Ikram perlu mempelopori R&D dalam bidang kejuruteraan awam, terutama dalam iklim tropika yang lembab seperti yang terdapat di negara kita. Ingatlah hampir kesemua peralatan yang kita guna dicipta di negara temperate dengan iklim yang amat berbeza dari negara kita. Kebanyakan daripada peralatan ini tidak sesuai untuk negara kita, tetapi kita terpaksa guna kerana tidak ada yang dicipta oleh kita untuk iklim negara kita.

17. Saya sebenarnya kecewa kerana peruntukan untuk R&D oleh Kerajaan kerap kali tidak diguna kerana tidak ada projek yang diusahakan oleh institusi-

institusi penyelidikan.

18. Saya mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Ikram yang telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan aplikasi multimedia untuk sistem maklumat geotechnical (GIS) bagi tanah di negara. Saya gembira mengetahui projek ini sedang berjalan lancar dan proto-typenya telahpun siap dan berfungsi. Saya berharap sistem itu nanti bukan saja berfaedah untuk memberikan maklumat secara mudah mengenai sifat-sifat tanah di sesuatu kawasan di negara melalui internet, tetapi aplikasi itu mendapat pasaran di luar negara.

19. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Kumpulan Ikram Sdn Bhd dan Kolej Ikram.